



TEKS UCAPAN

YB DATO' SRI HAJAH NANCY BINTI HAJI SHUKRI

MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

MAJLIS BERBUKA PUASA BERSAMA KUMPULAN SASAR ANJURAN JKM DENGAN KERJSAMA 99SPEEDMART

25 MAC 2024 (ISNIN) | 6.00 PETANG

RUMAH SERI KENANGAN, CHERAS

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Salam Sejahtera dan Salam Malaysia Madani.

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia-Nya dapat kita bersama-sama dalam Majlis Berbuka Puasa Bersama Kumpulan Sasar anjuran Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dengan kerjasama 99 Speedmart.
2. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak 99 Speedmart atas sumbangan **1,500 bakul makanan** yang akan disalurkan kepada keluarga yang kurang berkemampuan sekitar Kuala Lumpur dan Selangor terutamanya apabila tiba musim perayaan.
3. Kerjasama bersama 99 Speedmart ini adalah yang pertama kali buat KPWKM melalui JKM bagi membantu golongan yang memerlukan dan melalui sumbangan ini juga akan membantu meringankan beban yang ditanggung oleh keluarga yang berpendapatan rendah. 99 Speedmart juga telah berbesar hati untuk menyumbang barangan keperluan asas khas buat penghuni Rumah Seri Kenangan, Cheras hari ini.
4. Selaras dengan visi kementerian untuk menjadi peneraju dalam pembangunan masyarakat ke arah kemakmuran bersama, kami sentiasa menggalakkan aktiviti yang dapat menyokong objektif ini. Perkhidmatan kita tanpa mengira warna, bangsa, agama dan kumpulan etnik. Segala usaha kami adalah untuk Malaysia dan rakyat Malaysia.
5. Kami juga sentiasa mengalu-alukan kerjasama dan sokongan daripada organisasi luar dan ini selaras dengan salah satu objektif KPWKM iaitu meningkatkan kerjasama strategik dengan pihak berkepentingan untuk sistem sokongan yang berkesan dan komprehensif.

6. Dalam pada itu juga, 99 Speedmart juga telah menyediakan 10,000 kit makanan dan telah disalurkan dengan kerjasama daripada KPWKM, KPDN, KPKT serta Majlis Agama Islam. Antara Majlis Agama Islam yang terlibat adalah Selangor, Negeri Sembilan, Johor, Perak, Melaka, Pulau Pinang, Pahang, Terengganu, Kedah, Perlis serta Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI). Ini merupakan usaha murni yang telah dijalankan oleh 99 Speedmart dan boleh dicontohi oleh semua pihak bagi membantu seluruh masyarakat di Malaysia.
7. Melalui JKM juga, jumlah penerima bantuan di sekitar Selangor pada masa ini seramai lebih 50,000 (ribu) penerima dengan jumlah sebanyak RM 20 juta ringgit. Manakala di Kuala Lumpur pula sebanyak hampir 15,000 (ribu) penerima dengan jumlah sebanyak RM 6 juta ringgit.
8. Selain daripada bantuan dalam bentuk kewangan, JKM juga menyediakan Program 2 Years Exit Program (2YEP) yang mana kita akan berikan geran permulaan untuk memanfaatkan klien yang berniaga. JKM juga menyediakan perkhidmatan kaunseling bagi keluarga atau kes yang memerlukan khidmat nasihat.
9. Saya berharap KPWKM bersama-sama 99 speedmart dan syarikat korporat yang lain dapat bekerjasama dan berkolaborasi pada masa akan datang dan saya sekali lagi amat mengalu-alukan sebarang bentuk kerjasama daripada pelbagai pihak kerana kita memerlukan lebih banyak kerjasama terutamanya dalam keadaan ekonomi yang begitu mencabar sekarang.

Puan-puan dan Tuan-tuan,

10. Saya difahamkan, 99 Speed Mart juga begitu optimis dalam menyediakan peluang pekerjaan kepada mereka yang ingin mengubah nasib mereka untuk masa yang akan datang.
11. Kerjasama bermakna dan sumbangan ini akan sedikit sebanyak memulihkan semula semangat kekeluargaan dan empati masyarakat dan akan terus mekar di dalam seluruh sanubari dan jiwa kita, Insha Allah.

Letih berjalan di tengah pekan,

Singgah sebentar di gerai siti;

Terima kasih Speedmart kami ucapkan,

Atas sumbangan juga bakti.

Sekian, Wabillahi Taufiq Wal Hidayah

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

YB Dato' Sri Hajah Nancy binti Haji Shukri
Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat
25 Mac 2024 (Isnin)